"Itu (sekat akses) adalah langkah terakhir untuk dibuat, kita tidak mahu ke arah itu. Apa yang kita mahu ialah bukan sekadar internet yang laju tetapi platform internet yang selamat untuk kanak-kanak dan keluarga,"

katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan (PN-Tasek Gelugor) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

Wan Saifulruddin bertanyakan sama ada kerajaan akan menyekat akses platform media sosial yang gagal mendaftar pelesenan masing-masing selepas peraturan itu dikuatkuasakan, selain risiko pertindihan peraturan tersebut dengan Rang Undang-Undang Keselamatan Dalam Talian yang sedang digubal.

"Kebebasan yang tiada sempadan adalah kebebasan yang mengundang malapetaka. Oleh itu, tindakan ini adalah untuk memastikan keseimbangan antara kebebasan bersuara, keselamatan negara

dan kesejahteraan hidup rakyat," katanya.

Fahmi berkata, seperti yang dijelaskan di bawah Rang Jaminan MSC Malaysia No.7, kerajaan tidak akan menapis internet, namun tidak bermakna kandungan yang melanggar undang-undang boleh disebar dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira perundangan.

Beliau berkata, proses rundingan awam draf Kod Tatalaku (Amalan Terbaik) antara SKMM bersama penyedia perkhidmatan, orang awam, pemain industri dan pihak berkepentingan yang relevan telah diadakan pada Rabu dan SKMM kini dalam proses memuktamadkan draf kod berkenaan untuk penerbitan.

Mengenai pertindihan peraturan, Fahmi berkata Kementerian itu bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) melakukan banyak sesi libat urus bagi memastikan ti-



WAN SAIFUL



Kerajaan mewajibkan penyedia platform media sosial mendapatkan lesen sebelum 1 Januari 2025.

dak berlaku pertindihan antara Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan rang undang-undang itu.

"Kedua-dua peraturan ini adalah bersifat *complementary* (saling melengkapi) antara satu sama lain," katanya.

Menjawab soalan asal Wan Saifulruddin berhubung aspek kawal selia platform media sosial dan mengimbanginya dengan hak kebebasan bersuara dan kebebasan maklumat, Fahmi berkata di bawah Akta

588, terdapat langkah perlindungan yang kukuh untuk mengimbangi keperluan kawal selia dan perlindungan kepada hak kebebasan bersuara serta kebebasan maklumat.

Beliau berkata, pelaksanaan kerangka pelesenan itu antara lain turut bertujuan menangani isu-isu jenayah dalam talian tanpa menyekat inovasi dan pembangunan, malah penguatkuasaan pelesenan juga tidak menjejaskan pengguna. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 08 NOV 2024

Kamera AI kesan pesalah jalan raya



ILMU
KEJURUTERAAN
DARIPADA
AL-QURAN

MUHDIN ARIFIN

84
8/11

Setiap kali di lampu isyarat sementara menunggu merah bertukar hijau, kita akan melihat pemandangan ketara di kanan kiri. Hampir semua pemandu mengambil kesempatan yang singkat itu untuk melihat telefon bimbit. Sama ada membalas WhatsApp atau membuat panggilan ringkas.

Penulis pernah menulis artikel tentang kerenah pemandu jalan raya Malaysia pada 25 Ogos tahun lalu. Dipantaskan masa, penulis mendapati sikap pemandu Malaysia tidak pernah berubah sekalipun dipantau Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Justeru, penulis sangat teruja apabila Majlis Daerah Devon di Britain menerima dana lebih £5 juta (RM30 juta) Mac lalu daripada Dana Jalan Selamat Jabatan Pengangkutan Britain untuk meningkatkan keselamatan di laluan A361 menggunakan kaedah *Artificial Intelligence* atau Kecerdasan Buatan (AI). Difahamkan, jumlah penduduk Devon

sekitar 833,408 orang berdasarkan rekod akhir 2023. Menerusi artikel ditulis wartawan tersohor *BBC News*, Jake Wallace melaporkan Majlis Daerah Devon telah membida projek pemasangan kamera AI di jalan berisiko tinggi di daerah bukan metropolitan Devon.

Penulis hairan kenapa Majlis Daerah Devon sanggup berbelanja besar lebih £5 juta untuk membiayai projek keselamatan pemasangan kamera AI di daerah yang hanya memiliki bilangan penduduk kurang satu juta orang. Adakah jalan di daerah tersebut dikategorikan berisiko tinggi yang menyebabkan kerap berlaku kemalangan mengakibatkan bilangan kematian dan kecederaan sangat tinggi.

Berdasarkan laporan Wallace, Majlis Daerah Devon komited memasang kamera AI di jalan raya berisiko tinggi berpunca bilangan pesalah pelanggaran lalu lintas. Antara kesalahan yang dilaporkan termasuk tidak memakai tali pinggang keledar dan menggunakan telefon bimbit ketika memandu. Daripada sistem penintis yang dipasang, 1,799 kesalahan dikesan dalam tempoh sebulan termasuk 1,363 kes tidak memakai tali pinggang keledar dan 436 kesalahan menggunakan telefon bimbit ketika memandu.

Agak menarik apabila Polis Devon dan Cornwall menegaskan sistem kamera AI tersebut bukan untuk menahan pemandu tetapi lebih kepada memastikan

keselamatan dan mengelak berlakunya kemalangan maut.

Sebenarnya, Devon bukan pihak pertama berbuat demikian. Dalam artikel 25 Ogos tahun lalu, penulis menulis tentang sistem kamera keselamatan jalan raya AI ciptaan syarikat Acusensus Inc mula dipasang pada peringkat 'percubaan' pada sepanjang jalan utama di Daerah Cornwall. Sistem kamera berdiri bebas dipasang di sepanjang Lebuhraya A30, sebuah jalan utama dari London ke hujung barat daya negara berkenaan. Sistem tersebut mampu menyemak aliran trafik di kawasan jalan raya berkenaan. Ia juga boleh merekod imej kenderaan yang lalu menggunakan teknologi terkini. AI kemudian memilih dengan tepat pemandu yang melakukan pelbagai kesalahan untuk tujuan semakan.

Penulis melihat realiti di Malaysia. Rasanya sehingga kini, belum ada sistem kamera AI dipasang di mana-mana jalan raya di negara ini. Penulis percaya hakikat di jalan raya di negara ini ialah masih ramai tidak memakai tali pinggang keledar dan menggunakan telefon bimbit ketika memandu. Rekod kemalangan jalan raya di Malaysia berdasarkan Laporan *Malaysia Road Accident Statistics Report 2024* (MRASR24) menyakinkan peningkatan ketara dalam kemalangan jalan raya di negara ini.

Laporan analisis secara komprehensif berkaitan statistik kemalangan jalan

raya 2024 berdasarkan faktor penyumbang, taburan geografi dan implikasi terhadap keselamatan awam serta pembuatan dasar. Sehingga September 2024, Malaysia mencatatkan 598,635 kemalangan jalan raya naik hampir 10 peratus daripada 545,585 kemalangan pada 2023. Rekod *Malaysia Road Fatalities Index* beberapa tahun kebelakangan menunjukkan kira-kira 1.35 juta orang mati dalam kemalangan jalan raya setiap tahun purata 3,700 kehilangan nyawa setiap hari di jalan raya.

Kecederaan lalu lintas menyebabkan kerugian ekonomi yang besar kepada individu, keluarga dan negara. Nilai statistik hayat atau *value of statistical life* (VSOL) 2018 oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) menunjukkan Malaysia kehilangan 3.12 juta nyawa dengan purata 18 maut dalam kemalangan jalan raya setiap hari di Malaysia.

Kesimpulannya, kamera AI sangat penting dalam mengenal pasti punca kemalangan dan keselamatan jalan raya. Pengumpulan data komprehensif boleh memperbaiki segala masalah berkaitan jalan raya. Penulis berharap kerajaan Malaysia segera gunakan kamera AI di jalan raya negara ini.

*Dr Ir Muhidin Arifin ialah Ketua Pegawai Operasi Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC)

SINAR HARIAN

Tarikh:0.8.NOV.....2024.....

EKONOMI



OPR dijangka kekal 2025

Kadar 3 peratus dalam persekitaran ekonomi mencabar

KUALA LUMPUR

8/11

Public Investment Bank Bhd (Public IB) menjangka Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengekalkan pendirian berhati-hati menjelang 2025, berkemungkinan mengekalkan kadar dasar semalaman (OPR) pada 3.00 peratus bagi tahun itu dalam persekitaran cabaran ekonomi.

Bank pelaburan itu berkata, ini akan membantu mengecilkan perbezaan kadar faedah negatif dengan kadar faedah Amerika Syarikat (AS).

Susulan kemenangan Donald Trump dalam Pilihan Raya presiden AS, ia mengunjurkan dasar ekonomi AS pada 2025 akan menumpukan kepada perubahan tarif dan cukai.

"Sehubungan itu, kami menjangkakan pengurangan dalam penurunan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan (Fed) AS pada 2025 dengan tempoh masa dan pelarasan dasar Fed kepada langkah tarif baharu, menambah ketidakpastian kepada prospek monetari," kata Public IB dalam nota penyelidikan pada Khamis.

Public IB melaporkan inflasi teras dan keseluruhan dengan purata 1.8 peratus tahun ke tahun setakat ini.

Dalam Penyata Dasar Monetari terbaharunya, BNM menyatakan bahawa inflasi dijangka kekal terkawal pada tahun 2025, disokong oleh keadaan kos global yang kembali stabil dan tiada tekanan permintaan domes-

tik yang ketara.

Bank pusat itu turut berkata, prospek inflasi bergantung kepada spesifik langkah dasar domestik yang akan datang.

Potensi risiko peningkatan inflasi termasuk kesan limpahan daripada perubahan dasar, turun naik harga komoditi global dan dinamik pasaran kewangan.

Public IB berkata, pemacu inflasi utama pada tahun 2025 mungkin termasuk penghapusan berperingkat subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun, pelarasan kepada gaji minimum dan skop yang diperluaskan untuk cukai jualan dan perkhidmatan.

"Rasionalisasi subsidi seterusnya terhadap barangan keperluan seperti gula, beras putih dan minyak masak boleh meningkatkan tekanan kos dan didorong permintaan terhadap harga pengguna," kata bank itu. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 08 NOV 2024

Pemangkin positif pacu ekonomi Malaysia

84
8/11

Aliran masuk pelaburan,
kutipan cukai lebih baik
antara penyumbang

KUALA LUMPUR

Peningkatan aliran masuk pelaburan, kutipan cukai yang lebih baik berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan defisit fiskal lebih kecil merupakan pemangkin positif yang dijangka memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 5.0- 5.5 peratus pada 2024 dan 2025.

Ketua ahli ekonomi Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC), Dr Ray Choy berkata, jumlah pelaburan yang diluluskan berada pada purata lebih RM300 bilion, peningkatan ketara berbanding sekitar RM200 bilion pada tempoh 2015 hingga 2019.

"Ini merupakan peningkatan besar pelaburan dari semasa ke semasa, dicerminkan menerusi lonjakan pertumbuhan KDNK dan peningkatan pembentukan modal tetap kasar, yang menunjukkan pembinaan kapasiti tambahan dalam ekonomi Malaysia," katanya semasa acara MARC360 Reflections: Analisis Belanjawan 2025 Malaysia dan Perbahasan Pasca Belanjawan yang diadakan secara maya.

Choy berkata, prospek pertumbuhan kitaran Malaysia kekal kukuh, disokong oleh Indeks Pengurusan Pembelian (PMI) pembuatan yang agak tinggi dan keyakinan perniagaan yang bertambah baik.

"PMI Malaysia semakin ber-



Prospek pertumbuhan kitaran Malaysia kekal kukuh, disokong oleh Indeks Pengurusan Pembelian (PMI) pembuatan yang agak tinggi.

tambah baik. Ia bukan hanya sama ada PMI berada di bawah atau melebihi 50, tetapi kami melihat peningkatan kitaran sejak suku ketiga 2023.

"Peningkatan ini dicerminkan menerusi keyakinan perniagaan dalam perkhidmatan, perdagangan borong dan runcit, serta dalam pembinaan dan industri," katanya.

Pada Oktober 2024, PMI Pembuatan Malaysia S&P Global kekal tidak berubah pada 49.5, dengan pesanan baharu meningkat buat kali pertama sejak Jun 2024.

S&P Global sebelum ini melaporkan walaupun indeks itu berada hampir di ambang neutral 50.0, ia menunjukkan sedikit penurunan dalam keadaan perniagaan sepanjang bulan.

Choy berkata, aliran semikonduktor global yang mencatatkan peningkatan, turut memberi manfaat kepada Malaysia.

Mengenai sasaran defisit fiskal, beliau berkata, nisbah defisit fiskal berbanding KDNK menunjukkan peningkatan yang konsisten, dengan perbelanjaan kerajaan sebagai bahagian KDNK dijangka menurun berikutan pengurangan subsidi dan pengurusan berhemat perbelanjaan pembangunan.

"Malaysia semakin banyak menggunakan perkongsian awam-swasta untuk memacu pembangunan, menguruskan perbelanjaan pembangunan dengan berkesan walaupun dengan peruntukan yang sedikit berkurangan," katanya. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 08 NOV 2024



KETUA jabatan bertanggungjawab memantau dan menilai keupayaan pegawai yang mempunyai keterhutangan serius untuk membayar hutang dari semasa ke semasa. — GAMBAR HIASAN

Ketua jabatan perlu nilai keupayaan bayar hutang **3,602 penjawat awam** **bankrap sejak 2020** Kosmo 8/11

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Sebanyak 3,602 kes kebangkrutan dalam kalangan penjawat awam direkodkan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) sepanjang tempoh empat tahun sehingga September lalu.

Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 666 kes kebangkrutan direkodkan tahun ini manakala 628 kes (2023), 621 kes (2022), 678 kes (2021) dan 1,009 kes (2020).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, kerajaan memandang serius masalah muflis dan keterhutangan dalam kalangan penjawat awam.

"Ketua jabatan bertanggungjawab memantau dan menilai semula keupayaan

DEWAN RAKYAT

pegawai yang mempunyai keterhutangan serius untuk membayar hutang dari semasa ke semasa.

"Perkara itu diperuntukkan dalam Peraturan Berkaitan Penyelenggaraan Taraf Kehidupan dan Keterhutangan Kewangan yang Serius," katanya dalam jawapan bertulis kepada Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Richard Riot Anak Jaem (**GPS-Serian**) berhubung usaha menangani masalah muflis dalam kalangan

penjawat awam.

Tambah Azalina, peraturan itu memperuntukkan bagi tujuan had potongan gaji, pendapatan bersih pegawai awam perlu berada sekurang-kurangnya pada paras minimum 40 peratus daripada emolument bulanan melainkan terdapat pinjaman perumahan dan pendidikan.

"Antara peranan unit integriti adalah memantau pegawai yang menghadapi keterhutangan kewangan serius berdasarkan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993," jelasnya.

Tambah beliau, penjawat awam terlibat akan diberi bantuan kaunseling kewangan untuk membantu mereka mengurus kewangan dengan lebih baik dan mengelakkan muflis serta tindakan tatatertib.

KOSMO

Tarikh: 08 NOV 2024

OPR dijangka kekal 3 peratus sepanjang tahun 2025

Kosmo
8/11

PETALING JAYA – Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada tahap semasa iaitu sebanyak tiga peratus untuk sepanjang tahun 2025, kecuali terdapat sebarang keadaan yang tidak dijangka.

Firma penyelidikan pasaran, Kenanga Research berkata, OPR berkemungkinan tidak berubah tahun hadapan, meskipun bank pusat global secara amnya cenderung ke arah pelonggaran polisi monetari mereka.

Jelasnya, OPR semasa kekal akomodatif, menyokong pengembangan ekonomi domestik sambil mengurus risiko inflasi, terutamanya berikutan langkah Belanjawan 2025 seperti kenaikan gaji minimum, kenaikan gaji penjawat awam, dan rasionalisasi subsidi RON95 pada pertengahan 2025.

"Dengan unjuran pertumbuhan Kementerian Kewangan pada 4.5 hingga 5.5 peratus, kami melihat OPR semasa sangat sesuai untuk mencapai sasaran pertumbuhan tahun depan.

"Berdasarkan latar belakang ini, kami percaya pengekalan pendirian dasar monetari semasa adalah penting untuk

mengekalkan pertumbuhan domestik dan menyokong agenda reformasi kerajaan Madani.

"Oleh itu, kami mengekalkan ramalan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar 2024

kami pada lima peratus (2023: 3.6 peratus) dan mengunjurkan penyederhanaan sedikit kepada 4.8 peratus pada 2025," ujarnya.

BNM semalam turut menge-

luarkan jadual mesyuarat Jawatankuasa Dasar Moneterinya sebanyak enam kali tahun depan, dengan Penyataan Dasar Monetari pertama bakal dikeluarkan pada 22 Januari 2025.

BANK NEGARA dijangka mengekalkan OPR pada tahap semasa tahun depan. – GAMBAR HIASAN



KOSMO

Tarikh: 08 NOV 2024

Kuala Lumpur: Lebih RM1.87 juta bayaran saman trafik berjaya diperolehi menerusi penawaran diskaun 50 peratus dalam tempoh dua hari bermula Selasa lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, kutipan itu membabitkan 17,002 saman sepanjang tempoh berkenaan.

Menurutnya, setakat itu juga seramai 3,100 orang hadir membayar saman dengan pihaknya menyediakan 15 kaunter semakan, pinda dan pembayaran selain 14 mesin e-payment (pembayaran secara dalam talian).

"Sepanjang tempoh itu sebanyak 3,663 saman K257 dan 13,339 saman K170A dijelaskan dengan secara keseluruhan kutipan bayaran diperolehi sebanyak lebih RM1.87 juta.

DISKAUN 50 PERATUS SAMAN TRAFIK

RM1.87 juta dikutip dalam dua hari

"Ia membabitkan RM270,850 pembayaran tunai, e-payment (RM882,340) dan kupon 50 peratus (RM725,430)," katanya pada sidang media di Dataran Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur di sini, semalam.

Mohd Yusri berkata, penawaran diskaun berkenaan sehingga Sabtu ini dengan seramai 40 petugas diatur dan pihaknya turut menyediakan khemah untuk aplikasi My Bayar Polis Diraja Malaysia (PDRM), khemah orang kurang upaya, warga emas dan wanita hamil selain 350 kerusi menunggu.

Katanya, pengurangan saman itu membantu mengurangkan bebanan ke-



MOHD Yusri (kanan) beramah mesra dengan orang ramai di Dataran JSPT Kuala Lumpur.
- Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

wangan sambil mendidik masyarakat mematuhi peraturan jalan raya selain memberi peluang membai-ki diri dengan mematuhi undang-undang jalan raya.

"Pengurangan saman adalah satu langkah proaktif bagi mengurangkan kemalangan jalan raya. Bayar saman tepat pada waktunya untuk kelancaran dan terhindar daripada hukuman lebih berat.

"Kepatuhan membayar saman menunjukkan tanggungjawab sebagai pengguna jalan raya dan disiplin ini membantu menciptakan lalu lintas yang aman untuk semua," katanya.

Tawaran diskaun berkenaan tidak termasuk bagi saman kemalangan, saman bicara mahkamah, kategori tidak boleh kompaun, memotong secara berbahaya, kesalahan menggunakan lorong kecemasan dan langgar lampu isyarat.

HARIAN METRO
Tarikh: 08 NOV 2024

3,602 penjawat awam bankrap

Ketua jabatan bertanggungjawab pantau, nilai keupayaan pegawai berhutang bayar pinjaman

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) merekodkan 3,602 kes kebangkrutan dalam kalangan penjawat awam bagi tempoh empat tahun sehingga September lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, daripada jumlah itu 666 direkodkan tahun ini manakala 628 kes (2013),

621 kes (2022), 678 kes (2021) dan 1,009 pada 2020.

"Kerajaan sentiasa memandang serius masalah muflis dan keterhutangan dalam kalangan penjawat awam.

"Ketua jabatan di setiap kementerian bertanggungjawab memantau dan menilai semula keupayaan pegawai yang mempunyai keterhutangan serius, untuk membayar pinjaman dari semasa ke semasa.

"Dalam hal ini, Peraturan Berkaitan Penyelenggaraan Taraf Kehidupan dan Keterhutangan Kewangan Serius, antara lain memperuntukkan bagi tujuan

had potongan gaji, pendapatan bersih pegawai awam perlu sekurang-kurangnya pada paras minimum 40 peratus daripada emolumen bulanan pegawai, melainkan terdapat pinjaman perumahan dan pendidikan.

"Antara peranan Unit Integriti diwujudkan di setiap kementerian dan jabatan kerajaan untuk memantau pegawai yang menghadapi keterhutangan kewangan serius berdasarkan Peraturan 13, Peraturan-Pegawai

Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993," katanya dalam jawapan bertulis di laman web Parlimen Malaysia.

Beliau menjawab pertanyaan **Datuk Seri Richard Riot Anak Jaem (GPS-Serian)** mengenai usaha dan tindakan kerajaan menangani masalah peningkatan kes muflis dalam kalangan penjawat awam yang semakin membimbangkan.

Mengulas lanjut, Azalina berkata, penjawat awam

terbabit diberikan bantuan kaunseling kewangan untuk membantu mengurus kewangan dengan lebih baik dan mengelakkan situasi muflis serta tindakan tatatertib.

"Kerajaan tekad menjalankan pemantauan berterusan terhadap status keterhutangan serius dalam kalangan penjawat awam melalui Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang dirancang untuk tempoh 2021 hingga 2025 dengan menyediakan langkah pencegahan, pendidikan dan penguatkuasaan kukuh untuk memastikan integriti dan ketelusan mengurus kewangan dalam kalangan

penjawat awam.

"Dalam menangani isu peningkatan kes muflis dalam kalangan penjawat awam, Mdl sentiasa komited melaksanakan usaha untuk menjalankan program kesedaran berkenaan implikasi kebangkrutan atas penjawat awam dengan kerjasama pelbagai kementerian dan jabatan.

"Sebagai contoh, pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-1 (MAPPA XIX) pada 16 Ogo lalu, Mdl turut memberikan khidmat nasihat dan penerangan berkenaan pelepasan kebangkrutan di bawah inisiatif Dasar Peluan Kedua," katanya.

"Kerajaan pandang serius masalah muflis dan hutang penjawat awam"
Azalina

HARIAN METRO
08 NOV 2024
Tarikh:

Monsun, La Nina serentak tingkat taburan hujan

BH
8/11

Kadar dijangka 40 peratus lebih tinggi berbanding 2023 di beberapa negeri

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Negeri Pantai Timur dan utara serta timur Sabah dijangka menerima taburan hujan melebihi 20 hingga 40 peratus pada musim Monsun Timur Laut tahun ini berbanding tahun lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata situasi itu berlaku memandangkan Monsun Timur Laut pada tahun ini berlaku serentak dengan fenomena La Nina.

"Tahun lepas Monsun Timur Laut berada dalam fasa El Nino. Biasanya El Nino ini boleh sebab-

kan cuaca kita kurang hujan berbanding kebiasaan, namun tahun ini diganti dengan La Nina.

"Berdasarkan situasi itu, ramalan jangka panjang kebanyakan model menunjukkan kita akan menerima lebih hujan 20 hingga 40 peratus berbanding tahun lepas," katanya, di sini, semalam.

Mohd Hisham berkata, berdasarkan maklumat kajian terkini, La Nina di negara ini dijangka berintensiti lemah hingga sederhana dan tidak memberi kesan ketara dari segi corak taburan hujan.

"Berdasarkan model (kajian) sekarang, La Nina mungkin tidak seperti dijangka saintis beberapa bulan lepas, iaitu mungkin boleh capai kekuatan hingga tahap sederhana, tapi sekarang sudah turun pada tahap lemah dan mungkin tiada kesan sangat," katanya.

Bagaimanapun Mohd Hisham berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara sentiasa mengingatkan setiap agensi terbabit dalam pe-

ngurusan bencana supaya sentiasa bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan.

La Nina beri kesan unik

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata La Nina tidak menunjukkan corak peningkatan jumlah hujan yang konsisten kerana ia memberi kesan unik dan berlainan.

"Di Malaysia, La Nina lemah ini dijangka tidak memberikan kesan signifikan terhadap taburan hujan di negara kita.

"Namun La Nina berlaku serentak dengan Monsun Timur Laut, sedikit peningkatan jumlah hujan mampu menyebabkan bencana banjir terutamanya di negeri di Pantai Timur Semenanjung dan Sabah," katanya dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman web Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Dr Mohammed Taufiq Johari (PH-Sungai Petani) yang mahu tahu langkah diambil kementerian untuk menjangka-

kan potensi kesan fenomena La Nina ke atas Malaysia, khususnya dari segi tebatan banjir, kesiapsiagaan menghadapi bencana dan sokongan kepada masyarakat yang terdedah.

Pada masa sama, Nik Nazmi berkata, Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun bagi memantau situasi status La Nina ini.

Beliau berkata, METMalaysia mengeluarkan tinjauan cuaca jangka panjang berdasarkan konsensus beberapa model tinjauan iklim antarabangsa bagi mengesan pembentukan La Nina dan mengemaskini maklumat setiap bulan yang dipaparkan di laman web rasmi agensi itu.

"METMalaysia sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap sistem ramalan cuaca negara bagi menghasilkan ramalan yang lebih tepat dan seterusnya dapat membantu pihak agensi pengurusan bencana untuk bertindak lebih awal dalam memastikan keselamatan

METMalaysia juga sentiasa terus membekalkan maklumat berkaitan kepada pihak pemegang taruh dalam usaha kesiapsiagaan menghadapi pelbagai kemungkinan bencana alam yang akan berlaku.

Nik Nazmi
Nik Ahmad,
Menteri Sumber
Asli dan
Kelestarian
Alam



rakyat terjamin.

"METMalaysia juga sentiasa terus membekalkan maklumat berkaitan kepada pihak pemegang taruh dalam usaha kesiapsiagaan menghadapi pelbagai kemungkinan bencana alam yang akan berlaku," katanya.

Beliau berkata, seiring dengan perkembangan teknologi semasa bagi meningkatkan sistem penyampaian, METMalaysia membangunkan aplikasi mobil my-Cuaca yang dapat memberikan maklumat cuaca dan gempa bumi untuk diakses pada bila-bila masa oleh orang ramai.

BERITA HARIAN
08 NOV 2024
Tarikh.....

Saman trafik tertunggak RM6.5 bilion sejak 1990

Lebih 43.5 juta saman berdaftar direkodkan di seluruh negara

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat lebih 43.5 juta saman berdaftar membabitkan

nilai RM6.5 bilion masih tertunggak dan belum dijelaskan sejak 1990 sehingga 6 November lalu, di seluruh negara.

Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri, berkata jumlah saman tertunggak itu adalah 33 peratus daripada jumlah keseluruhan saman berdaftar yang direkodkan untuk tempoh sama.

Katanya, secara keseluruhan rekod PDRM menunjukkan sepanjang tempoh dari 1990 hingga 6 November lalu, sebanyak

Mohd Yusri (dua dari kanan) melakukan lawatan ketika pelaksanaan Program Tawaran Semakan dan Bayaran Saman Sehingga 50 peratus di Balai Polis Trafik Tun H S Lee, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

135,915,377 saman didaftarkan membabitkan nilai lebih RM20.38 bilion.

"Daripada jumlah itu, 67 peratus atau 92,317,493 saman berdaftar membabitkan nilai RM8.56 bilion sudah dijelaskan.

"Bagaimanapun, 33 peratus lagi atau 43,597,884 saman berdaftar belum dijelaskan membabitkan nilai RM6.53 bilion," katanya selepas melakukan lawatan pelaksanaan Program Tawaran Semakan dan Bayaran Saman Se-

hingga 50 peratus, di Balai Polis Trafik Tun H S Lee, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa dan Ketua JSPT Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Mohd Zamzuri Mohd Isa.

4.3 juta saman pada 2024

Dalam pada itu, Mohd Yusri berkata, sepanjang 2024 bermula Januari hingga kelmarin, sebanyak 4.3 juta saman didaftarkan de-

ngan nilai saman mencecah RM646.19 juta.

Beliau berkata, lebih RM1.87 juta hasil bayaran saman berjaya dikutip daripada pesalah lalu lintas sempena tawaran diskaun 50 peratus ditawarkan IPK Kuala Lumpur dalam tempoh dua hari.

Katanya, 17,002 saman diselesaikan dan dianggarkan 3,100 orang awam hadir ke kaunter saman yang disediakan di pejabat JSPT Kuala Lumpur dalam tempoh dua hari.



BERITA HARIAN
Tarikh..... 08 NOV 2024

Malaysia boleh naikkan lagi kadar gaji minimum

Pelaksanaan
boleh dilaksana
beransur-ansur
tanpa ganggu
pasaran

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Malaysia masih mampu untuk meningkatkan gaji minimum secara beransur-ansur tanpa mengganggu pasaran, kata Timbalan Setiausaha Bahagian Kementerian Kewangan (Penyelidikan Ekonomi) Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Dr Nirwan Noh.

Beliau berkata, Malaysia sudah menyemak kadar gaji minimum sebanyak lima kali sejak 2013, yang menyumbang kepada kadar pertumbuhan purata sebanyak lima peratus setiap tahun.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini menyatakan bahawa pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) akan dipertimbangkan apabila gaji minimum mencapai RM3,000.

"Tetapi sebenarnya, dalam usaha untuk meningkatkan gaji minimum, kerajaan sedang memberi tumpuan kepada strategi gaji yang lebih luas, termasuk dasar gaji progresif.

"Kami juga mempunyai cara lain untuk menaikkan gaji melalui pelbagai garis panduan, seperti yang terdapat dalam sektor pekerjaan. Dasar ini se-



harusnya memastikan setiap pertumbuhan adalah mampan dan selari dengan pertumbuhan ekonomi.

"Memandangkan pendapatan buruh kini menyumbang kira-kira satu pertiga daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), maka ada ruang untuk peningkatan gaji secara

beransur-ansur tanpa mengganggu pasaran dengan ketara," katanya pada sesi Refleksi MARC360: Analisis Belanjawan Malaysia 2025 dan Perbincangan Selepas Belanjawan secara maya, semalam.

Elak isi rumah terjejas

Nirwan berkata, kerajaan su-

dah menetapkan sasaran gaji minimum sebanyak RM3,000 sebelum mempertimbangkan pelaksanaan GST bagi memastikan isi rumah Malaysia mampu menampung kos sara hidup yang meningkat terlebih dahulu.

"Pelaksanaan GST akan menjejaskan kemampuan perbelanjaan isi rumah secara umum, jadi kami berhati-hati dalam pendekatan ini supaya ia tidak terlalu menjejaskan isi rumah di negara ini.

"Dengan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) sekarang, kerajaan boleh memperluas skop kerana ia sudah dilaksanakan.

"Dengan sedikit peluasan, terdapat ruang untuk kerajaan meningkatkan hasil bagi memenuhi komitmen perbelanjaan pada masa depan," tambahnya.

“Dalam usaha untuk meningkatkan gaji minimum, kerajaan sedang memberi tumpuan kepada strategi gaji yang lebih luas, termasuk dasar gaji progresif”

Nirwan Noh,
Timbalan Setiausaha Bahagian Kementerian Kewangan
(Penyelidikan Ekonomi) Bahagian Fiskal dan Ekonomi



BERITA HARIAN
Tarikh.....0.8..NOV...2024..

Tiada beg plastik 2026

Oleh FITRI NIZAM

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan mempertimbangkan untuk menghentikan pemberian beg plastik sekali guna di seluruh negara seawal tahun 2026.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, setakat ini, dua negeri dan satu daerah iaitu Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu sudah pun melaksanakan dasar tiada beg plastik sekali guna.

Katanya, Wilayah Persekutuan pula secara dasarnya juga sudah tidak lagi memberikan beg plastik sekali guna konvensional dan menggalakkan penggunaan beg plastik biodegradasi.

"Kementerian telah menerima maklum balas positif daripada sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing yang telah dijalankan di sembilan negeri.

Bersambung di muka 3

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:0..8...NOV...2024...

Tiada beg plastik 2026

um 9/11

Dari muka 1

"Libat urus seterusnya akan dijalankan di Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Datuk Dr. Ku Abd. Rahman Ku Ismail (PN-Kubang Pasu) yang meminta penjelasan kemajuan dalam pelaksanaan Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik 2018-2030 dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik 2021-2030.

Untuk rekod, Pelan Beg Plastik Sekali Guna (SUP) menasaskan sifar sisa plastik sekali guna pada 2030.

Nik Nazmi berkata, pelaksanaan Pelan SUP akan dilakukan secara berfasa bagi memastikan penghapusan plastik sekali guna dilaksanakan dengan teratur.

Katanya, pihaknya sedang mengenal pasti dan menyedia-



PELANGGAN kedai serbaneka di Kajang, Selangor dilihat tidak menggunakan beg plastik selepas peniaga menghentikan penggunaan beg plastik yang bermula 1 Oktober lalu. - UTUSAN/AMIR KHALID

kan senarai awal bagi plastik sekali guna yang bermasalah, tidak diperlukan dan boleh dielakkan.

"Melalui senarai ini, pengha-

pusan dan pengurangan plastik sekali guna dilaksanakan secara bersasar.

"Antara inisiatif diambil oleh kerajaan dengan kerjasama ke-

rajaan negeri adalah dengan mengenakan caj pencemaran minima sebanyak 20 sen ke atas beg plastik konvensional di premis tetap," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA
08 NOV 2024
Tarikh:

KPKT komited capai agenda bandar mampan menjelang 2030

Oleh NUR AIMI HAZIRAH
hazirah.hizam@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited dalam mencapai agenda pembangunan mampan (SDG) menjelang 2030.

Menterinya, Nga Kor Ming berkata, negara ini berjaya mencapai 43 peratus daripada analisis 248 petunjuk SDG terkini.

Katanya, peratusan itu jauh lebih besar berbanding pencapaian dunia yang berada pada purata 17 peratus.

"Berbicara mengenai kemampanan, semestinya ia juga dilihat secara terangkum, bukan hanya mengambil kira ukuran pembangunan fizikal dan ekonomi semata-mata," katanya.

Beliau berkata demikian sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2024 peringkat kebangsaan, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kor Ming berkata, antara fokus utama kementeriannya adalah memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar ke arah per-



NGA Kor Ming (tengah) menunjukkan Laporan Kemampanan Bandar 2024 dalam majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2024 peringkat kebangsaan, baru-baru ini.

bandaran baharu.

Katanya, fokus itu melibatkan isu-isu perbandaran seperti kesesakan trafik dan pemanasan global akibat kadar urbanisasi

yang terus meningkat.

"Ini menyebabkan bandar tidak boleh lagi dirancang untuk mampan secara konvensional, tetapi seharusnya pintar dalam

mengatasi masalah-masalah di hadapi," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa, Datuk Dr. Alias Rameli

berkata, konsep bandar pintar merupakan langkah terbaik dalam memperbaiki kesejahteraan hidup masyarakat.

Menurutnya, bandar pintar adalah asas pembangunan bandar mampan melibatkan beberapa proses pembangunan dan boleh diaplikasikan di kebanyakan kawasan.

"Pembangunan berkonsepkan bandar pintar dilihat berupaya menjadi solusi terbaik untuk memperbaiki kualiti hidup, mewujudkan masa depan yang selamat dan kesejahteraan hidup masyarakat.

"Bandar pintar adalah sebahagian daripada asas pembangunan bandar mampan melibatkan proses pembangunan yang memberi perhatian dan menyeimbangi aspek memberkati kesejahteraan sosial, membugar ekonomi dan memajukan ekosistem alam sekitar.

"Kata kunci mampan dan pintar pada tahun ini jelas menggambarkan komitmen yang serius ke arah mewujudkan pembangunan bandar yang mampan pada masa hadapan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 08 NOV 2024

Malaysia bersedia masuk era baharu pelaburan, transformasi ekonomi

UM
8/11

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkinawati@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia bersedia memasuki era baharu pelaburan untuk transformasi ekonomi serta komitmen dalam mengalu-alukan pelaburan yang selari dengan masa depan yang berdaya tinggi dan mampan.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, kerajaan komited untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terkemuka, menarik pelaburan bernilai tinggi seperti yang dinyatakan dalam Aspirasi Pelaburan Baharu.

"Portal InvestMalaysia adalah langkah penting ke hadapan dalam merapatkan jurang antara niat dan tindakan, mempermudah akses untuk para pelabur serta menjadikan landskap pelaburan Malaysia lebih mudah diteroka dan memberi ganjaran.

"Portal ini mewakili lebih daripada sekadar alat. Ia adalah bukti semangat kerjasama dalam Malaysia Madani, di mana kementerian dan agensi bekerjasama untuk membina ekosistem yang lebih kohesif dan mesra pelabur," katanya dalam ucapan perasmian Majlis Pelancaran portal InvestMalaysia di Sasana Kijang, di sini, semalam.

Jelas Amir Hamzah, beliau yakin portal InvestMalaysia bukan sahaja akan menarik minat



AMIR Hamzah Azizan (kiri) bersama Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Abdul Ghaffour ketika pelancaran portal InvestMalaysia di Sasana Kijang. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

global, malah juga memupuk perkongsian yang bermakna yang akan mendorong kemajuan dan kemakmuran Malay-

sia.

Amir Hamzah berkata, portal itu bertujuan untuk menanganjurkan untuk mendapatkan

maklumat terakhir mengenai pelaburan di Malaysia.

"Kami telah mewujudkan platform untuk pelabur men-

dapatkan jawapan bagi persoalan yang ada atau sekurang-kurangnya mengetahui tempat yang betul untuk mencari maklumat yang tepat.

"Investor Relation Office (IRO) dan portal InvestMalaysia akan bertindak sebagai jurupandu bagi pelabur portfolio yang berhasrat menyertai pasaran negara," katanya.

Dalam pada itu, kerajaan melancarkan portal InvestMalaysia www.investmalaysia.gov.my sebagai gerbang maklumat sehati untuk pelabur mendapatkan maklumat tentang Malaysia.

Portal ini bertindak sebagai platform sehati dan mengumpulkan maklumat penting yang diperlukan bagi para pelabur untuk membuat keputusan pelaburan yang mantap dan tepat pada masanya.

Portal InvestMalaysia bertujuan untuk memperkuat kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif dan menarik dengan menengahkan dan mempromosikan peluang pelaburan yang menarik dalam pasaran kewangan Malaysia kepada pelabur domestik dan asing.

Antara tawaran khusus portal ini termasuk pemahaman menyeluruh mengenai prospek ekonomi Malaysia, dasar negara, landskap perniagaan, maklumat pasaran khusus sektor dan kemudahan pelaburan yang bersesuaian.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 08 NOV 2024

RM6.54b saman trafik masih tertunggak

UM
8/11

Oleh **NURAINA HANIS
ABD. HALIM**

hanis.halim@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Sebanyak 44,597,884 saman trafik bernilai RM6.54 bilion masih tertunggak sejak 1990 melibatkan pelbagai kesalahan yang dikeluarkan kepada pesalah lalu lintas warga tempatan serta warga asing.

Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Yusri Hassan Basri berkata, dari 1990 hingga 2024, Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan sebanyak 135,915,377 juta saman dianggarkan bernilai RM20.38 bilion.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, sebanyak 67 peratus melibatkan 92,317,493 saman sudah dijelaskan setakat ini.

"Jumlah itu membabitkan nilai RM8.56 bilion, manakala 33 peratus lagi masih tertunggak iaitu 44,597,884 saman (RM6.54 bilion).

"Bagi tahun ini, sebanyak 4,307,956 saman berdaftar direkodkan dari Januari hingga 6 November lalu membabitkan RM646.19 juta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau Program Tawaran Semakan dan Bayaran Saman Sehingga 50

Peratus di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Yusri berkata, jumlah saman pada tahun ini membabitkan 2,474,287 keping kompaun bernilai RM371.143 juta yang dikeluarkan secara postal atau diletak pada kenderaan.

Katanya, bagi saman diserahkan secara langsung adalah sebanyak 1,833,669 bernilai RM275.05 juta.

"Antara kompaun paling banyak adalah halangan lalu lintas serta mengabaikan lalu lintas," katanya.

Ujarnya, pelbagai tindakan diambil bagi mengutip tunggakan saman daripada pesalah lalu lintas antaranya mengemas kini data dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi mereka yang telah meninggal dunia serta Jabatan Imigresen Malaysia untuk mengenal pasti status warga asing.

Jelas beliau, pihaknya turut menyenarai hitam pesalah trafik yang dikenakan saman secara langsung serta mengadakan operasi bagi mengesan saman tertunggak dan pemutihan saman.

"Kita juga mengesan mereka melalui sekatan jalan raya selain mewujudkan saluran bayaran baharu melalui alat peranti MCOPS," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
08 NOV 2024

Tarikh:

Tengkujuh, rakyat dijangka hadapi kenaikan harga barang

Oleh SYAHIRAH ZAKARIA
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Rakyat dijangka berdepan kenaikan harga barangan keperluan harian seperti sayur-sayuran, ikan, buah-buahan dan produk tenusu susulan musim tengkujuh yang mula melanda negara.

Mengikut trend tahun-tahun sebelum ini, harga barangan akan meningkat berikutan kekurangan bekalan, terutamanya disebabkan gangguan kepada aktiviti pertanian dan perikanan.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohd. Yusrizal Yusoff berkata, selain sayur-sayuran dan ikan, buah-buahan juga dijangka berdepan risiko kenaikan harga akibat cuaca yang tidak menentu.

"Bekalan buah-buahan tempatan yang terjejas, menyebabkan harga di pasaran melonjak. Ia memaksa pengguna mencari alternatif lain untuk memenuhi keperluan harian mereka.

"Kenaikan ini dijangka menjatuhkan golongan berpendapatan rendah yang sudah sedia tertekan dengan kos sara hidup yang tinggi. Mereka mungkin terpaksa mencatu makanan harian mereka, sekali gus mengurangkan pengambilan nutrisi yang penting untuk kesihatan," katanya.

Mohd Yusrizal berkata, tindakan kerajaan untuk mengawal



SELAIN sayur-sayuran dan ikan, buah-buahan juga dijangka berdepan risiko kenaikan harga akibat cuaca yang tidak menentu. - GAMBAR HIASAN

harga semasa musim tengkujuh dirasakan kurang berbanding tahun-tahun lalu.

"Skim kawalan harga pernah diperkenalkan semasa musim cuti sekolah dan perayaan, tidak kelihatan dilaksanakan dan ia membuka ruang kepada cadangan agar skim kawalan harga dilanjutkan untuk mencegah

peniaga menaikkan harga secara tidak terkawal," katanya.

Sementara itu, Wakil Pusat Pilihan Pengguna Malaysia, Tarmizi Anuwar berkata, persediaan menguruskan bekalan barangan asas bagi mengelakkan gangguan logistik adalah penting.

"Inisiatif melibatkan penyimpanan stok di lokasi yang

kurang terdedah kepada banjir atau gangguan bekalan, membantu peniaga memastikan barangan keperluan tidak mudah habis," katanya.

Beliau turut mencadangkan pengguna perlu untuk merancang perbelanjaan secara berhemat dan mempelbagaikan pilihan makanan yang lebih

mampu milik.

"Contohnya gantikan sayur-sayuran segar dengan sayur-sayuran beku atau dalam tin. Selain itu, pengguna juga boleh mencari promosi dan diskaun dari pelbagai platform e-dagang yang ada menawarkan harga lebih kompetitif berbanding pasar fizikal," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 08 NOV 2024

ALREADY ENFORCED IN SOME STATES

Nationwide single-use plastic bag ban by 2026

THE Natural Resources and Environment Ministry is considering a nationwide ban on single-use plastic bags as early as 2026.

Minister Nik Nazmi Nik Ahmad said the ban on single-use plastic bags was already enforced in Negeri Sembilan, Penang and Kota Kinabalu in Sabah.

In the Federal Territories, single-use plastic bags are not provided to consumers as businesses are encouraged to use biodegradable plastic bags.

"We have received positive feedback from state governments and local authorities in engagements in nine states," he said in a written parliamentary reply.

"Engagement sessions are also scheduled for Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak and Sabah."

He was responding to a ques-

tion from Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail (PN-Kubang Pasu), who asked for an update on the Zero Single-Use Plastics Roadmap 2018-2030 and Plastic Sustainability Roadmap 2021-2030.

Nik Nazmi said his ministry would continue to work with all stakeholders, including industry players and non-governmental organisations, to raise awareness among the public on single-use plastics.



PRAYER TIMES

	SUBUH (am)	SYURUK	ZUHUR	ASAR (pm)	MAGHRIB	ISTAK
Melaka	5:44	6:55	12:57	4:18	6:57	8:09
Penang	5:55	7:04	1:05	4:25	7:01	8:12
K. Lumpur	5:48	6:57	1:00	4:21	6:58	8:10
Johor Baru	5:37	6:48	12:51	4:12	6:52	8:03
Kuantan	5:42	6:52	12:54	4:15	6:53	8:05
Ipoh	5:52	7:00	1:02	4:23	6:59	8:11



Engagement sessions on the banning of single-use plastic bags are scheduled for Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak and Sabah, says Natural Resources and Environment Minister Nik Nazmi Nik Ahmad. FILE PIC

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 08 NOV 2024